

Rujukan : LPIPM : SPB/01/2/2 Klt. 3 (31)

Tarikh : 12 Mei 2023

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

### **PEMAKLUMAN MENGENAI PENETAPAN KELAYAKAN PENGURUS PROJEK BINAAN YANG MENANDATANGANI BORANG G BERDASARKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984 (PINDAAN 2021)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan, Kerajaan Malaysia telah meluluskan pindaan terhadap UKBS 1984 menerusi Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke-78 pada 13 Julai 2021 yang lalu. Antara perkara yang dipinda adalah Undang-Undang Kecil 5 yang menetapkan keperluan sesuatu projek binaan untuk diselia secara sepenuh masa oleh Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan yang telah diperaku oleh CIDB. Selain itu, pindaan juga meluluskan supaya Borang G yang dikemukakan untuk mendapatkan perakuan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) perlu diperakukan oleh Pengurus Projek Binaan yang diakredit oleh CIDB.
- Sebagai usaha untuk memastikan pindaan ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan tidak menjejaskan pemain-pemain industri, CIDB telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) untuk menetapkan kelayakan Pengurus Projek Binaan. Persetujuan antara kesemua pihak yang terlibat telah diperincikan dalam Surat Pekeliling CIDB Bil.3/2023 (rujuk lampiran).
- Sehubungan dengan itu, CIDB berharap agar pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan dapat membuat persediaan yang sewajarnya agar ianya selari dengan ketetapan yang diputuskan oleh pihak Kerajaan.

Sekian untuk pemakluman dan perhatian. Terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BINA SEMPURNA"**

  
**(DATUK IR. AHMAD ASRI BIN ABDUL HAMID)**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

### **1. DATO' IR. AHMAD REDZA BIN GULAM RASOOL**

Presiden  
Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)  
Tingkat 17 Blok F,  
Ibu Pejabat JKR,  
Jalan Sultan Salahuddin  
50580 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2691 2090  
Faks : +603-2692 5017  
Emel : redza@jkr.gov.my

### **2. DATIN AR. YONG RAZIDAH BT. RASHID**

Presiden  
Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)  
Tingkat 17 Blok F,  
Ibu Pejabat JKR,  
Jalan Sultan Salahuddin  
50580 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2698 2878  
Faks : +603-2693 6881  
Emel : info@lam.gov.my

### **3. DATUK TONG NGUEN KHOONG**

President  
Real Estate Housing Developers' Association (REHDA) Malaysia  
Wisma REHDA,  
No. 2C Jalan SS5D/6,  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : +603-7803 2978  
Faks : +603-7803 5285  
Emel : secretariat@rehda.com

### **4. OLIVER HC WEE**

President  
Master Builders Association Malaysia (MBAM)  
No.2 Jalan 2/109E,  
Desa Business Park  
58100 Kuala Lumpur  
Tel : +603-7984 8636  
Faks : +603-7982 6811  
Emel : info2@mbam.org.my / ed@mbam.org.my

**5. DATUK SERI MOHAMED FADZILL HASSAN**

Presiden  
Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia  
No.26 Jalan 3/3c,  
Sri Utara Business Park  
68100 Batu Caves  
Selangor Darul Ehsan  
Emel : pkmm@gmail.com

**6. DATO MOKHTAR SAMAD**

Pengerusi Kehormat  
Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM)  
Suite 9-4 Menara Matrade West Wing,  
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : +603-6203 6203  
Emel : pkbmpusat@gmail.com

**7. AR. ABU ZARIM BIN ABU BAKAR**

Presiden  
Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM)  
99L Jalan Tandok,  
Bangsar,  
59100 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2202 2866  
Faks : +603-2202 2566  
Emel : info@pam.org.my

**8. IR. PROF. DR. NORLIDA BINTI BUNYAMIN**

President  
The Institution of Engineers Malaysia (IEM)  
Bangunan Ingenieur Lot 60/62,  
Jalan 52/4 Peti Surat 223 (Jalan Sultan),  
46720 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : +603-7968 4001 / +603-7968 4002  
Faks : +603-7957 7678  
Emel : sec@iem.org.my



## LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

### SURAT PEKELILING CIDB BIL.3/2023

#### PENETAPAN KELAYAKAN PENGURUS PROJEK BINAAN YANG MENANDATANGANI BORANG G BERDASARKAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984 (PINDAAN 2021)

---

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini disediakan bagi memaklumkan semua pemain industri pembinaan mengenai keputusan Kerajaan yang menetapkan kelayakan Pengurus Projek Binaan yang menandatangani Borang G berdasarkan UKBS 1984 (Pindaan 2011).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 UKBS 1984 merupakan undang-undang yang menggariskan keperluan minima berhubung dengan pembinaan jalan, parit dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia. Undang-undang ini merupakan ketetapan yang perlu dipatuhi oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti pembinaan.
- 2.2 Pada 13 Julai 2021, mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke-78 telah meluluskan pindaan terhadap UKBS. Antara pindaan yang telah diluluskan adalah keperluan bagi projek binaan diselia secara sepenuh masa oleh Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan yang telah diperaku dan diakredit oleh CIDB Malaysia. Perkara ini adalah sebagaimana yang digariskan di bawah Undang-Undang Kecil 5.
- 2.3 Selain itu, pindaan juga meluluskan supaya Borang G yang dikemukakan untuk mendapatkan perakuan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) diperakukan oleh Pengurus Projek Binaan yang diperaku dan diakredit oleh CIDB Malaysia.

### 3.0 PENETAPAN KELAYAKAN PENGURUS PROJEK BINAAN YANG MENANDATANGANI BORANG G BERDASARKAN UKBS 1984 (PINDAAN 2021)

3.1 Takrifan yang digunapakai bagi menjelaskan maksud Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan adalah seperti berikut :

**Pengurus Projek Binaan** – Merujuk kepada mereka yang ditauliahkan sebagai *Certified Construction Project Manager (CCPM)* atau *Certified Construction Manager (CCM)* oleh CIDB Malaysia.

**Penyelia Tapak Binaan** – Merujuk kepada mereka yang ditauliahkan sebagai *Certified Construction Site Supervisor (CCSS)* oleh CIDB Malaysia.

3.2 Bagi pemerakuan Borang G, kelayakan Pengurus Projek Binaan yang dibenarkan untuk memperaku adalah seperti berikut :


Kos Pembinaan Projek	Kelayakan Pengurus Projek Binaan
RM20juta dan ke atas (>RM20juta)	a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i> ; atau b. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i> .
Melebihi RM1juta sehingga RM20juta	a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i> ; atau b. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i> ; atau c. Personel Binaan yang memiliki kelayakan minima Diploma dalam bidang teknikal berkaitan pembinaan dan berdaftar dengan CIDB di bawah kategori Pengurus Projek Binaan (kontraktor Gred G4, G5, G6 dan G7).
RM1juta dan ke bawah	a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i> ; atau b. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i> ; atau c. Personel Binaan yang memiliki kelayakan minima Diploma dalam bidang teknikal berkaitan pembinaan dan berdaftar dengan CIDB di bawah kategori Pengurus Projek Binaan; atau d. <i>Certified Construction Site Supervisor (CCSS)</i> .

### 3.0 IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN

Kegagalan pemain industri untuk memenuhi ketetapan ini boleh mengakibatkan permohonan bagi mendapatkan Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance, CCC*) ditolak oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

“MALAYSIA MADANI”

“BINA SEMPURNA”



(DATUK IR. AHMAD 'ASRI BIN ABDUL HAMID)

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh : 27 Mac 2023